☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 2/2/2012
Hari: Khamis M/S: 9
Ruangan: VARSITI

© MOHD RIFAAT ABDUL HAMID | BERITA HARIAN

DR MOHD AMY AZHAR (tengah) mengibarkan bendera universiti sebagai simbolik perasmian Kursus Induksi Bakti Siswa Perdana 1Malaysia 2012.

Kursus Induksi UUM dekati masyarakat kampung

Oleh Mohd Rifaat Abd Hamid
bhvarsiti@bharian.com.my

KIRA-KIRA 900 mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) menyertai Kursus Induksi Bakti Siswa Perdana 1Malaysia 2012 bagi memberi pendedahan awal kepada mahasiswa dalam aktiviti kemasyarakatan sebagai persediaan memasuki alam kampus.

Kursus bakal berlangsung di 21 kampung seluruh semenanjung termasuk Kampung Rajawali dan Kampung Rajabaran, Terengganu; Kampung Felda Rokan Gemenceh dan Felda Pasoh 4, Negeri Sembilan; Kampung Titi Tinggi, Perlis serta Kampung Kulai Jaya, Johor.

Ketua Penyelarasnya, Prof Madya Dr Mohd Amy Azhar Mohd Harif, berkata program seminggu itu bakal diisi dengan pelbagai aktiviti bergantung kepada kesesuaian tempat yang menjadi kampung angkat kepada mahasiswa berkenaan sepanjang tempoh ditetapkan.

"Penganjuran kali ketiga sejak 2009 itu diteruskan berikutan impak positif daripada program sebelum ini dan kita yakin ia tetap diteruskan pada setiap sesi pengambilan mahasiswa.

"Selain memberi peluang kepada mahasiswa menjalankan aktiviti berbentuk amal dan kemasyarakatan, ia juga memberi kesempatan kepada mereka memahami budaya setempat yang mungkin sedikit berbeza daripada tempat asal mereka terutama bagi mahasiswa luar negara," katanya selepas perasmian program ini di Dewan Bukit Kachi di UUM Sintok, Kkedah.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Belantik, Datuk Mohd Tajuddin Abdullah yang turut merasmikan program berkenaan.

Program itu turut mendapat kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri, Tenaga Nasional Berhad, Perodua dan Proton.

Dr Mohd Amy Azhar berkata, antara aktiviti yang dirancang termasuk ceramah motivasi, pendidikan, gotong-royong, ceramah kerohanian, kenduri dan sukaneka.

"Saya berharap program ini mampu memberi transformasi kepada masyarakat kampung selain mengukuhkan jalinan baik antara mahasiswa dengan penduduk setempat yang memberi manfaat kepada semua pihak.

"Bagi mahasiswa, amat penting bagi mereka didedahkan dengan aktiviti sebegini kerana mereka sebahagian daripada masyarakat apabila bergelar graduan nanti," katanya.

SEBAHAGIAN mahasiswa UUM yang bakal menyertai Kursus Induksi Bakti Siswa Perdana 1Malaysia 2012.